

Kisah Bawean di pondok raih tempat ke-2 peraduan eseи Universiti California



TAMPILKAN KEBIJAKSANAAN PENGHUNI PONDOK MANFAATKAN RUANG: Encik Hadi menunjukkan gambar lama Pondok Tampiling berlatarbelakangkan bangunan asal yang masih berdiri gah di Everton Road. – Foto-foto SAINI SALLEH

► SAINI SALLEH
saini@sph.com.sg

ENCIK Hadi Osnie begitu berminal terhadap warisan dan pemuliharaan bangunan, khususnya Ponthuk atau pondok yang pernah menjadi tempat berteduh dan mengadu nasi golongan pendatang, termasuk orang tuanya dari Pulau Bawean.

Beliau lebih tertarik kepada bagaimana pendatang yang datang daripada pelbagai desa, memanfaikan sepenuhnya ruang terbatas dalam bangunan pondok berupa rumah-rumah kedai bagi memenuhi keperluan hidup di rantau orang dan masyarakat sekitarnya.

Lataran itu, Encik Hadi, 25 tahun, pelajar tahun akhir peringkat sarjana Fakulti Seni Bina Universiti Nasional Singapura (NUS), tidak melepaskan peluang meluahkan pandangan mengenai bidang yang memang beliau minati itu dengan menyertai Peraduan Esei Hadiah Berkeley anjuran Jabatan Seni Bina, Kolej Desain Sekitaran, Universiti California, Berkeley, Amerika Syarikat.

Beliau memilih Pondok Tampiling yang terletak di kawasan Blair Plain dekat Everton Road sebagai fokus eseinya yang sepanjang 2,500 perkataan dengan tajuk *Baweanese Pondok: Pondok Tampiling*.

Usaha menyiapkan bahan dan kajian yang dijalankannya, termasuk menemui buah ayahnya yang pernah menyewa sebuah rumah kedai di Everton Road, terbukti tidak sia-sia apabila karyanya dipilih memenangi tempat kedua dengan hadiah bernilai AS\$6,500 (\$9,000) itu.

Tempat pertama dengan hadiah bernilai AS\$7,500 dimenangi Encik Jan Doroteo, mahasiswa Fakulti Landskap, Desain dan Seni Bina John D. Daniels, Universiti Toronto, Canada.


Esei beliau berjudul *The Little Pinoy Sari-Sari Store: Of Otherness and Belonging in a Global Diaspora*.

Peraduan tahunan sejak 1998 itu dibuka kepada mahasiswa bidang seni bina di seluruh dunia.

Senarai pemenang peraduan itu diumumkan universiti tersebut dalam laman webnya April lalu.

Encik Hadi, yang sudah pun menamatkan pengajiannya ketika ditemui baru-baru ini, berkata esei yang ditulismu bertujuan meneroka kisah kehidupan pondok dan bagaimana ia menyumbang kepada memenuhi pelbagai keperluan pendatang awal dari Pulau Bawean dengan cara yang begitu unik.

Menurutnya, beberapa rumah kedai di kawasan tersebut disewakan



TINGGAL KENANGAN DALAM LIPATAN SEJARAH: Pondok Tampiling sesak dengan penghuni ekoran penghijrahan ramai penduduk Pulau Bawean ke sini, terutama selepas Perang Dunia Kedua. – Foto HADI OSNI

pemiliknya yang terdiri daripada saudagar Cina kepada pendatang Bawean yang mengubahnya sebagai pondok dalam 1930-an.

Pondok Tampiling semakin hari semakin sesak disebabkan ramai-pula pendatang Bawean yang datang mencari tempat berteduh. Akibatnya, bilik-bilik di tingkat dua terpaksa disekat kepada saiz lebih kecil demi memenuhi keperluan mereka yang berkeluarga dan perlukan privasi.

“Tingkat satu yang biasanya digunakan untuk melayan tetamu, bersempang atau bersolat pada siang hari pula dijadikan tempat tidur untuk golongan bujang pada malamnya,” kata beliau.

Para penghuni juga membina ambin panjang dekat pintu masuk pondok.

Ini untuk membolehkan para penghuninya berseambang.

Ada juga yang membina gerai kecil beratap zink di luar pondok sebagai tempat menjual kuih muih bagi meraih pendapatan sampingan.

Encik Hadi juga mendapat Pondok Tampiling turut memainkan peranan penting sebagai pusat pendidikan Islam kepada para penghuni dan anak-anak mereka yang tinggal di pondok-pondok di Blair Plain.

Di ruang belakang pondok tersebut dijadikan surau untuk kegiatan solat lima waktu, kelas mengaji dan solat Aidilfitri.

“Begitu unik kehidupan pondok. Selain hidup bertolak ansur, mereka saling bantu-membantu dan bergotong-royong demi kelangsungan hidup,” tambahnya.

Bawean ke rantau ini mahu dijadikan tesis PhD

GELOMBANG penghijrahan penduduk Pulau Bawean memulakan hidup baru ke rantau ini bermula seawal kurun ke-19 merupakan suatu fenomena yang perlukan kajian terperinci.

Selain Singapura, masyarakat keturunan Bawean kini bertebaran sehingga ke Bandar Ho Chi Minh di Vietnam; Kuala Lumpur dan Ulu Tiram di Malaysia; dan Bengkong, di Batam, Indonesia.

Encik Hadi Osnie, yang bakal menggenggam ijazah sarjana seni bina, Universiti Nasional Singapura (NUS) Ogos ini, merancang menjalankan kajian mengenai fenomena

tersebut bagi tesis pengajian doktor falsafah di universiti yang sama mulai tahun ini.

“Saya akan mengunjungi negara-negara yang terdapat petempatan masyarakat Bawean di rantau ini untuk mengumpul bahan bagi tesis saya nanti.

“Dengarnya ramai orang Bawean di Bandar Ho Chi Minh dan kerana itu saya akan ke sana kelak,” tambah Encik Hadi, 25 tahun, yang telah pun berturang dan menetap di Choa Chu Kang.

Berita Harian dalam laporannya pada Disember 2011 melaporkan bahawa terdapat sekelompok ma-

syarakat keturunan Bawean bermastautin dan duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan warga Vietnam di bandar yang dulunya dikenali sebagai Saigon.

Namun, bilangan mereka hanyalah sekitar 500 keluarga dan identiti mereka hampir pupus – tidak lagi boleh ‘bercakap Boyan’ dan mempertahankan budaya leluhur.

Soalnya, bagaimana orang Bawean boleh ‘terkandas’ di negara berbahasa komunis-sosialis itu?

Persoalan tersebut akan cuba Encik Hadi, yang merupakan anak keturunan Bawean, dapatkan jawapannya apabila ke sana kelak.

Menurut sejarah, pada zaman penjajahan Perancis di Vietnam, pemerintah kolonial telah membawa ratusan orang Indonesia asal Pulau Bawean menjadi buruh kebun kela-pa di negara itu dalam 1880-an.

Pendatang Bawean jugalah yang dikatakan banyak membantu dalam pertanian kop i di negara itu.

Encik Hadi kagum dengan sikap dan keberanian masyarakat Bawean yang datang daripada pelbagai desa di pedalaman pulau Bawean.

Mereka sanggup meredas laut dalam dan bergelombang bagi mencari sesuap nasi di rantau orang yang begitu asing bagi mereka.